

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT Kempen Bonus Booster CIMB

### Tempoh Kempen

1. Kempen Bonus Booster CIMB ("**Kempen**") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad ("**CIMB Islamic**"). CIMB Bank dan CIMB Islamic hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**CIMB**".
2. Kempen akan berlangsung **dari 01 Oktober 2020 hingga 31 Mac 2021**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi sebanyak tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

### Kelayakan

4. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan CIMB sedia ada dan baharu seperti yang berikut: -

#### **Kategori 1: BONUS TUNAI**

- a. Pelanggan yang mempunyai Akaun Simpanan/-i berdaftar dengan CIMB ("**Akaun Penyertaan**") (*tidak termasuk Akaun Junior Savers/-i, Akaun Youth Savers/-i dan Akaun Simpanan Preferred-i*). Akaun Semasa/-i bukan merupakan akaun penyertaan untuk tujuan Kempen ini; dan/atau
- b. Pelanggan yang mempunyai kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia ("**Kad Kredit Penyertaan**") (*tidak termasuk Kad Perniagaan Platinum dan Kad Fuel Tanker CIMB*).

#### **Kategori 2: FAEDAH/KEUNTUNGAN BONUS**

Pelanggan yang mempunyai Akaun Penyertaan.

Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan yang hanya mempunyai Akaun Semasa/-i berdaftar dengan CIMB tidak akan layak untuk Kempen ini.

Untuk layak kepada Kempen ini, pelanggan juga mesti mempunyai nombor mudah alih berdaftar dengan penyedia perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, Digi atau U-Mobile dan dikekalkan di dalam rekod CIMB (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**").

5. Individu-individu /entiti-entiti berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a. Kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sambilan \*Kumpulan Syarikat CIMB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau

- b. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaanannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak mereka dan ahli-ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau
- c. Perusahaan sederhana kecil/Perbankan Perusahaan/pelanggan Komersil dan Korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat awam berhad, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/bukan keuntungan, perbadanan dan perkongsian profesional; dan/atau
- d. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

\* Kumpulan Syarikat CIMB bermaksud kumpulan syarikat-syarikat/entiti-entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegang saham CIMB mempunyai kepentingan yang mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui subsidiari-subsidiarinya.

6. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak mesti terlebih dahulu mendaftarkan penyertaan mereka dalam Kempen mulai 01 Oktober 2020 sama ada dengan: -
  - a. membalas khidmat pesanan ringkas CIMB ("**SMS**") yang dihantar ke nombor mudah alih mereka yang dikekalkan di dalam rekod CIMB dan dengan menaip **BB** dan menghantarkannya ke 62666 semasa Tempoh Kempen; atau
  - b. menghantar SMS dengan menaip **BC** <jarak> 6 angka terakhir Nombor KP Pelanggan Layak dan menghantarkannya ke 62666 semasa Tempoh Kempen dengan menggunakan nombor mudah alih yang dikekalkan di dalam rekod CIMB semasa Tempoh Kempen; atau
  - c. berdaftar dalam talian di [www.cimb.com.my/bonus](http://www.cimb.com.my/bonus) semasa Tempoh Kempen.

Untuk tujuan Klausa 6 (a) dan (b) di atas, Pelanggan Layak yang menghantar SMS dari nombor mudah alih yang tidak dikekalkan di dalam rekod CIMB tidak akan layak untuk menyertai dalam Kempen ini. Walau apapun yang dinyatakan di atas, CIMB boleh secara automatik mendaftarkan individu-individu berikut untuk Kempen ini:-

- i. Pelanggan Layak yang menyertai dalam permainan Bonus Booster (dijelaskan dengan terperinci di Klausa- Klausa 30-43) dengan mengakses pautan ke permainan Bonus Booster yang telah dihantar oleh CIMB kepadanya melalui (a) alamat e-melnya yang dikekalkan di dalam rekod CIMB; atau (b) CIMB Messenger-nya di aplikasi mudah alih CIMB Clicks; atau (c) nombor mudah alihnya yang dikekalkan di dalam rekod CIMB; dan/atau
- ii. Semua Pekerja CIMB@Work baru. "**Pekerja CIMB@Work**" bermaksud individu yang telah memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work sebagaimana yang boleh ditentukan oleh CIMB dan yang telah diterima oleh CIMB sebagai Pekerja CIMB@Work.

CIMB juga merizabkan hak untuk mendaftarkan mana-mana Pelanggan Layak secara automatik untuk Kempen ini sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

7. Pelanggan Layak akan menanggung caj telekomunikasi piawai yang dcajkan untuk setiap SMS yang dihantar.
8. Selepas pendaftaran Pelanggan Layak yang berjaya menurut Klausa 6 di atas, Pelanggan Layak akan menerima sama ada: -
  - a. suatu SMS pengesahan dari CIMB jika pendaftarannya dilakukan melalui SMS; dan/atau
  - b. suatu pengesahan dari CIMB jika beliau telah didaftarkan secara automatik untuk Kempen; dan/atau
  - c. suatu mesej pengesahan di bawah borang pendaftaran dalam talian jika pendaftarannya dilakukan secara dalam talian

(selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”).

9. Sekiranya pendaftaran SMS Peserta Layak tidak lengkap, suatu SMS akan dihantar ke nombor mudah alih Peserta Layak yang dikekalkan di dalam rekod CIMB tanpa kos ke atas Peserta Layak untuk memaklumkan kepadanya supaya berdaftar semula melalui SMS.
10. Selepas pendaftaran penyertaan Pelanggan Layak yang berjaya, semua Transaksi Layaknya (dijelaskan dengan terperinci di Klausa 11 di bawah) akan kemudiannya dikesan untuk tujuan menjadualkan bilangan Penyertaan Layak dan Faedah/Keuntungan Bonus yang diperolehi seperti di Klausa 11 di bawah untuk Bulan Kempen.

Contoh:

Pelanggan Layak yang berdaftar pada bila-bila masa dari 01 hingga 30 November 2020 akan berpeluang memenangi Bonus Tunai seperti yang berikut:-

- i. Hadiah Bulanan: untuk Bulan Kempen November 2020 hingga Mac 2021.
- ii. Hadiah Utama: semua Transaksi Layak yang dilakukan dari 01 Oktober 2020 hingga 31 Mac 2021 akan dikesan untuk tujuan menjadualkan bilangan Penyertaan Layak dan/atau Penyertaan Bonus yang diperolehi.

### Mekanik Kempen

11. Untuk berpeluang memenangi Bonus Tunai dan/atau memperolehi Faedah/Keuntungan Bonus seperti yang dinyatakan dalam Klausa-Klausa 20 hingga 29 di bawah, Peserta Layak boleh berbuat demikian dengan memperolehi Penyertaan Layak/Penyertaan Bonus dan/atau memenuhi kriteria kelayakan berikut: -

Hadiah Ditawarkan	Kriteria
<b>Kategori 1:</b> BONUS TUNAI	(i) Peserta Layak boleh memperolehi penyertaan layak (“ <b>Penyertaan Layak</b> ”) dengan melakukan mana-mana Transaksi Layak yang dinyatakan dalam <b>Jadual A</b> . (ii) Sebagai tambahan, bagi Peserta Layak yang telah menerima e-mel dan/atau mesej menurut Klausa-Klausa 30 hingga 43 di bawah, beliau boleh memperolehi Penyertaan Bonus tambahan dengan memainkan permainan Bonus Booster.

<p><b>Kategori 2:</b> FAEDAH/KEUNTUNGAN BONUS</p>	<p>(i) Untuk layak kepada Faedah/Keuntungan Bonus di bawah Kempen ini, Peserta Layak mesti mencapai Baki Purata Tambahan (IAB) Bulanan minimum (selepas ini ditakrifkan di Klausa 12) sebanyak RM500 dalam Akaun Penyertaannya untuk Bulan Kempen. Setelah syarat ini dipenuhi, Peserta Layak akan layak kepada Faedah/Keuntungan Bonus 0.20% setiap tahun pada IAB untuk Bulan Kempen.</p> <p>(ii) Sebagai tambahan, jika Peserta Layak juga melakukan mana-mana satu Transaksi Layak yang dinyatakan dalam <b>Jadual B</b> di bawah, beliau akan layak kepada Faedah/Keuntungan Bonus tambahan sehingga jumlah maksimum 2.00 % setiap tahun ("<b>Faedah/Keuntungan Bonus</b>") untuk Bulan Kempen.</p>
---	--

**Jadual A: Bonus Tunai**

Transaksi Layak	Penyertaan Layak	Catatan
<p>1. <u>Baki Purata Tambahan (IAB) Bulanan (selepas ini ditakrifkan di Klausa 12)</u> Peserta Layak mesti memenuhi IAB Bulanan minimum sebanyak RM500 dalam Akaun Penyertaannya untuk Bulan Kempen</p>	<p>Setiap IAB RM500 akan memperoleh <b>50 Penyertaan Layak</b></p>	<p>"<b>Penyertaan Layak</b>" akan membolehkan Peserta Layak berpeluang memenangi Hadiah Bulanan pada Bulan Kempen transaksi</p>
<p>2. <u>Pertukaran Gaji ke Akaun Penyertaan (selepas ini ditakrifkan di Klausa 13)</u> Peserta Layak mesti layak sebagai Pekerja CIMB@Work baru dan mesti telah menerima pembayaran Gaji Pertamanya daripada Majikan Layaknya</p>	<p>Setiap pembayaran gaji akan memperoleh <b>50 Penyertaan Layak</b></p>	<p>Semua Penyertaan Layak terkumpul dari setiap Bulan Kempen akan kemudiannya dikumpulkan dan Peserta Layak akan berpeluang memenangi Hadiah Utama seperti yang dinyatakan dalam Klausa 20</p>
<p>3. <u>Transaksi Kad Debit/Kad Kredit (selepas ini ditakrifkan di Klausa 14)</u> Peserta Layak mesti melakukan Transaksi Runcit yang berjaya dengan menggunakan Kad Debit/Kad Kredit CIMB semasa Bulan Kempen</p>	<p>Setiap transaksi akan memperoleh <b>10 Penyertaan Layak</b></p>	
<p>4. <u>Pembayaran bil melalui CIMB Clicks atau Pengebilan Auto Kad Debit/Kad Kredit (selepas ini ditakrifkan di Klausa 15)</u> Peserta Layak mesti melakukan pembayaran bil dalam talian yang berjaya melalui CIMB Clicks atau Pengebilan Auto dengan menggunakan Kad Debit/Kad Kredit CIMB semasa Bulan Kempen</p>	<p>Setiap transaksi akan memperoleh <b>20 Penyertaan Layak</b></p>	

**Jadual B: Faedah/Keuntungan Bonus tambahan yang boleh diperoleh**

Transaksi Layak	Faedah/Keuntungan Bonus Tambahan	Catatan
<p>1. <u>Pertukaran Gaji ke Akaun Penyertaan</u> Peserta Layak mesti layak sebagai Pekerja CIMB@Work baru dan mesti telah menerima pembayaran Gaji Pertamanya daripada Majikan Layaknya</p>	<p>1.0% setiap tahun</p>	<p>"<b>Faedah/Keuntungan Bonus</b>"</p>

<p><b>2. Transaksi Kad Debit/Kad Kredit</b> Peserta Layak mesti melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Runcit yang berjaya dengan menggunakan Kad Debit/Kad Kredit CIMB semasa Bulan Kempen</p>	<p>0.40% setiap tahun</p>	<p>Faedah/Keuntungan Bonus terkumpul (sehingga maksimum 2.00% setiap tahun) dan akan terpakai bagi IAB dalam Bulan Kempen penyertaan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 28.</p>
<p><b>3. Pembayaran bil melalui CIMB Clicks atau Pengebilan Auto Kad Debit/Kad Kredit</b> Peserta Layak mesti melakukan sekurang-kurangnya satu (1) pembayaran bil dalam talian yang berjaya melalui CIMB Clicks atau Pengebilan Auto dengan menggunakan Kad Debit/Kad Kredit CIMB semasa Bulan Kempen</p>	<p>0.40% setiap tahun</p>	<p>Faedah/Keuntungan Bonus terkumpul (sehingga maksimum 2.00% setiap tahun) dan akan terpakai bagi IAB dalam Bulan Kempen penyertaan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 28.</p>

12. Baki Purata Tambahan Bulanan

12.1 **“Baki Purata Tambahan”** (IAB) merujuk kepada perbezaan Baki Purata Akaun Penyertaan untuk Bulan Kempen berbanding dengan Baki Purata pada bulan sebelumnya.

Baki Purata Tambahan (IAB)
=
Baki Purata Bulan Kempen - Baki Purata Bulan Sebelumnya ( <b>“Garis Dasar”</b> )

12.2 **“Baki Purata”** merujuk kepada baki akhir hari setiap hari untuk Bulan Kempen, dibahagikan dengan bilangan hari Bulan Kempen.

Gambaran mengenai Baki Purata dengan menggunakan bulan kalendar tiga puluh (30) hari:

Tarikh	Baki Akhir Hari Setiap Hari
1 <sup>hb</sup> hingga 10 <sup>hb</sup> Bulan Kempen (10 hari)	RM10,000
11 <sup>hb</sup> hingga 15 <sup>hb</sup> Bulan Kempen (5 hari)	RM55,000
16 <sup>hb</sup> hingga 30 <sup>hb</sup> Bulan Kempen (15 hari)	RM30,000
<b>Jumlah Baki Akhir Hari</b>	(RM10,000 x 10 hari) + (RM55,000 x 5 hari) + (RM30,000 x 15 hari) = RM825,000
<b>Bilangan hari dalam Bulan Kempen</b>	30 hari
<b>Baki Purata</b>	RM825,000 / 30 hari = RM27,500

12.3 Bagi Akaun Penyertaan yang baharu dibuka semasa Bulan Kempen, jumlah Garis Dasar untuk mengira IAB bulanan adalah Ringgit Malaysia Sifar (RM0) sahaja.

12.4 Sekiranya Peserta Layak memegang lebih daripada satu Akaun Penyertaan, Garis Dasar dan Baki Purata setiap Akaun Penyertaan akan digabungkan bersama untuk menentukan IAB.

12.5 Untuk tujuan menentukan Baki Purata, mana-mana deposit yang ditempatkan ke dalam Akaun Penyertaan hendaklah terdiri daripada Dana Baharu sahaja. Istilah **“Dana Baharu”** hendaklah bermaksud wang atau dana yang bukan berasal dari Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i CIMB bukan penyertaan Peserta Layak (**“Akaun CASA Bukan Penyertaan”**), tetapi dana yang

dipindah, dikreditkan atau dibayar ke dalam Akaun Penyertaannya dari mana-mana akaun bank CIMB yang lain dan/atau bank pihak ketiga dan/atau institusi kewangan lain menerusi apa jua cara termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Penempatan Tunai; dan/atau
- b) Pemindahan Giro Antara Bank (IBG)/Pemindahan Dana Segera (IBFT); dan/atau
- c) Pemindahan Telegraf/*Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities* (RENTAS); dan/atau
- d) Cek tempatan/cek jurubank.

- 12.6 Bagi tujuan Kempen ini, pengurangan IAB Akaun CASA Bukan Penyertaan Peserta Layak akan menyebabkan pengurangan sepadan dalam IAB Akaun Penyertaan untuk Bulan Kempen tertentu. Walaubagaimana pun, peningkatan IAB Akaun CASA Bukan Penyertaan TIDAK akan meningkatkan IAB Akaun Penyertaan Peserta Layak untuk Bulan Kempen tertentu tersebut.

**Gambaran**

*Pelanggan A mempunyai Akaun Simpanan Asas (Akaun Penyertaan) dan Akaun Junior Savers (Akaun CASA Bukan Penyertaan) dengan baki berikut:*

Bulan	Akaun Simpanan	Baki Purata	Pengiraan IAB Pelanggan A untuk bulan Januari 2021
Dis 2020	Akaun Simpanan Asas	RM6,000	<u>Akaun Simpanan Asas</u> = RM11,000 – RM6,000 = <b>+RM5,000</b>
	Akaun Junior Savers	RM14,000	<u>Akaun Junior Savers</u> = RM10,500 - RM14,000 = <b>-RM3,500</b>
Jan 2021	Akaun Simpanan Asas	RM11,000	<b><u>Jumlah IAB untuk bulan Januari 2021</u></b> = <b>RM5,000 - RM3,500</b> = <b>RM1,500</b> <i>[IAB Akaun Penyertaan RM5,000 dikurangkan dengan jumlah IAB negatif Akaun CASA Bukan Penyertaan]</i>
	Akaun Junior Savers	RM10,500	

*Pelanggan B mempunyai Akaun Simpanan EcoSave-i (Akaun Penyertaan) dan Akaun Semasa (Akaun CASA Bukan Penyertaan) dengan baki berikut:*

Bulan	Akaun Simpanan	Baki Purata	Pengiraan IAB Pelanggan B untuk bulan Januari 2021
Dis 2020	Akaun Simpanan EcoSave-i	RM6,000	<u>Akaun Simpanan EcoSave-i</u> = RM11,000 – RM6,000 = <b>+RM5,000</b>
	Akaun Semasa	RM14,000	<u>Akaun Semasa</u> = RM16,500 - RM14,000 = <b>+RM2,500</b>

Jan 2021	Akaun Simpanan EcoSave-i	RM11,000	<b><u>Jumlah IAB untuk bulan Januari 2021</u></b> <b>= RM5,000</b> <i>[IAB Akaun Penyertaan RM5,000 TIDAK dipengaruhi oleh peningkatan IAB Akaun CASA Bukan Penyertaan]</i>
	Akaun Semasa	RM16,500	

### 13 Pertukaran Gaji ke Akaun Penyertaan

13.1 Bagi tujuan memperolehi Penyertaan Layak tambahan menurut Item 2 Jadual A di Klausa 11 di atas, Peserta Layak mesti layak sebagai Pekerja CIMB@Work baru dan mesti telah menerima pembayaran Gaji Pertamanya semasa Tempoh Kempen daripada Majikan Layaknya yang mesti telah berdaftar dengan CIMB@Work ("**Majikan Layak**"). Gaji Pertama Peserta Layak mestilah dikreditkan kepadanya menerusi BizChannel@CIMB atau mana-mana saluran lain yang mungkin dibenarkan oleh CIMB.

13.2 Bagi tujuan Kempen ini, hanya Peserta Layak yang telah menerima Gaji Pertamanya dengan cara yang dinyatakan di Klausa 13.1 di atas akan dianggap sebagai "Pekerja CIMB@Work baru".

**Contoh:**

Seorang Peserta Layak yang dianggap sebagai Pekerja CIMB@Work baru dan telah menerima pembayaran Gaji Pertamanya daripada Majikan Layaknya pada Oktober 2020 akan layak memperolehi 50 Penyertaan Layak bagi setiap Bulan Kempen untuk setiap pembayaran gaji yang diterima dari Oktober 2020 hingga Mac 2021.

13.3 "**Gaji Pertama**" hendaklah bermaksud gaji Peserta Layak yang diterima ke dalam Akaun Penyertaan mereka daripada mana-mana Majikan Layak untuk kali pertama. Peserta Layak mesti tidak menerima apa-apa gaji daripada mana-mana Majikan Layak ke dalam Akaun Penyertaannya dari 01 Mei 2020 hingga 30 September 2020.

13.4 Tidak ada syarat minimum untuk gaji bersih bulanan yang perlu dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan.

### 14 Transaksi Kad Debit/Kad Kredit

14.1 "**Transaksi Runcit**" di bawah Kempen hendaklah bermaksud sebarang transaksi runcit tempatan dan/atau luar negara termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian dalam talian dan transaksi berulang yang dilakukan oleh Peserta Layak yang berjaya dicajkan ke atas:

- (a) Akaun Kad Debit CIMB-nya (yang mesti dipautkan dengan Akaun Penyertaan Peserta Layak) dan transaksi tersebut mesti dicajkan ke Akaun Penyertaan Peserta Layak; dan/atau
- (b) Kad Kredit Penyertaannya semasa Tempoh Kempen.

Transaksi berikut dengan ini secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Runcit:

- (i) Pendahuluan, pengeluaran, deposit atau pemindahan tunai;



- (ii) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau apa-apa fi, caj atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
  - (iii) Mana-mana transaksi yang tidak diposkan, dibatalkan, tidak sah, dipertikaikan, dibayar balik, penipuan atau tanpa kebenaran;
  - (iv) Transaksi Tunai Kuasi dan perjudian/pertaruhan;
  - (v) Transaksi insurans/takaful (MCC 6300 and MCC 5960);
  - (vi) Ansuran bulanan di bawah mana-mana kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB; dan
  - (vii) Mana-mana transaksi yang dilakukan di negara yang merupakan anggota Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) atau Kesatuan Eropah (EU).
- 14.2 Tidak ada syarat jumlah perbelanjaan minimum yang akan dikenakan pada setiap Transaksi Runcit.
- 14.3 Sekiranya seseorang Peserta Layak memegang lebih daripada satu Kad Debit/Kad Kredit CIMB, semua Transaksi Runcit yang dilakukan dengan menggunakan setiap kad (utama/tambahan) akan digabungkan bersama untuk menentukan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak yang diperolehi dan/atau Faedah/Keuntungan Bonus yang layak diterima oleh Peserta Layak menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Semua Transaksi Runcit yang dilakukan dengan menggunakan kad tambahan akan digabungkan dengan Transaksi Runcit yang dilakukan dengan menggunakan kad utama dan jumlah gabungan Transaksi Runcit sedemikian akan diambil kira untuk menentukan bilangan Penyertaan Layak yang diperolehi oleh pemegang kad utama. Bagi mengelakkan keraguan, pemegang kad tambahan tidak akan layak untuk memperolehi Penyertaan Layak untuk Transaksi Runcit yang dilakukan olehnya dengan menggunakan kad tambahan sekiranya pemegang kad utama bukan merupakan Peserta Layak untuk tujuan Kempen ini.
- 14.4 Transaksi Runcit antarabangsa dalam mata wang asing hendaklah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB.
- 14.5 Transaksi Runcit mesti diposkan ke akaun Kad Debit dan/atau akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Layak dalam tiga (3) hari selepas hari terakhir setiap Bulan Kempen supaya dapat diambil kira dalam penentuan Penyertaan Layak yang diperolehi oleh Peserta Layak dan/atau Faedah/Keuntungan Bonus yang layak diterima oleh Peserta Layak. Jadual C di bawah menggambarkan tarikh (GMT Malaysia) yang akan diambil kira dalam penentuan jumlah keseluruhan Transaksi Runcit yang dilakukan oleh Peserta Layak untuk setiap Bulan Kempen. Mana-mana Transaksi Runcit yang diposkan lebih daripada tiga (3) hari selepas Bulan Kempen akan diabaikan dan tidak akan diambil kira dalam penentuan bilangan Penyertaan Layak yang diperolehi oleh Peserta Layak dan/atau Faedah/Keuntungan Bonus yang layak diterima oleh Peserta Layak untuk bulan berikutnya.

**Jadual C: Tarikh Penggalan Transaksi**

Bulan Kempen	Tarikh Penyertaan untuk melakukan Transaksi Runcit	Tarikh Penggalan
Oktober 2020	1 Oktober 2020 – 31 Oktober 2020	Menjelang 3 November 2020



November 2020	1 November 2020 – 30 November 2020	Menjelang 3 Disember 2020
Disember 2020	1 Disember 2020 – 31 Disember 2020	Menjelang 3 Januari 2021
Januari 2021	1 Januari 2021 – 31 Januari 2021	Menjelang 3 Februari 2021
Februari 2021	1 Februari 2021 – 28 Februari 2021	Menjelang 3 Mac 2021
Mac 2021	1 Mac 2021 – 31 Mac 2021	Menjelang 3 April 2021

- 15 Pembayaran bil melalui CIMB Clicks atau Pengebilan Auto Kad Debit/Kad Kredit
- 15.1 **“Pembayaran bil”** merujuk kepada pembayaran bil dalam talian yang berjaya dilakukan melalui CIMB Clicks (sama ada melalui laman web CIMB Clicks, aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA) semasa Tempoh Kempen. Transaksi pembayaran yang dilakukan oleh Peserta Layak di bahagian *‘Pay Bills’* atau *‘JomPAY’* mesti dilakukan dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan, Kad Kredit Penyertaan atau Kad Debit CIMB-nya (yang mesti dipautkan dengan Akaun Penyertaan Peserta Layak) yang telah didaftarkan dengan sewajarnya untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.
- 15.2 **“Pengebilan Auto”** merujuk kepada kemudahan pembayaran yang secara automatik mengecaj pembayaran bil Peserta Layak (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran utiliti dan transaksi insurans/takaful) kepada Kad Kredit Penyertaan atau akaun Kad Debit CIMB Peserta Layak apabila dan semasa pembayaran perlu dibayar.
- 15.3 Tidak ada syarat jumlah pembayaran minimum yang akan dikenakan pada setiap Pembayaran bil/Pengebilan Auto.
- 16 Pengesanan Transaksi Layak Peserta Layak hendaklah berdasarkan pada tarikh dan masa transaksi menggunakan Waktu Malaysia.
- 17 Penentuan CIMB mengenai apa yang merupakan Transaksi Layak untuk tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dianggap konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa cara sekalipun.
- 18 Bilangan Transaksi Layak yang dilakukan oleh pemegang akaun bersama, akan digabungkan dengan bilangan Transaksi Layak yang dilakukan oleh pemegang akaun yang pertama dinamakan iaitu pemegang akaun utama. Untuk tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama sekunder tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
- 19 Penentuan CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak berjaya yang akan diambil kira untuk memperoleh Penyertaan Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dengan apa cara sekalipun.

## Hadiah

### Kategori 1: BONUS TUNAI

- 20 Bonus Tunai yang diberikan kepada Peserta Layak yang menang (**“Pemenang”**) di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:
- i. Hadiah Bulanan: Pemenang akan menerima hadiah tunai RM1,000; dan

- ii. Hadiah Utama: Pemenang akan menerima hadiah tunai bulanan RM5,000 sebulan selama dua belas (12) bulan berturut-turut.

- 21 Bonus Tunai yang ditawarkan oleh CIMB di bawah Kempen ini akan dibahagikan kepada dua kumpulan seperti di bawah:

Hadiah	Bonus Tunai	Bilangan Pemenang Setiap Bulan Kempen	Jumlah Pemenang (sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen)	Jumlah Bonus Tunai yang Ditawarkan (sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen)
<b>Kumpulan 1: Akaun Penyertaan ("Kumpulan 1")</b>				
Hadiah Bulanan	RM1,000	90	540	RM540,000
Hadiah Utama	RM60,000 (RM5,000 x 12 bulan)	-	8	RM480,000
<b>Jumlah</b>		<b>90</b>	<b>548</b>	<b>RM1,020,000</b>
<b>Kumpulan 2: Kad Kredit Penyertaan ("Kumpulan 2")</b>				
Hadiah Bulanan	RM1,000	10	60	RM60,000
Hadiah Utama	RM60,000 (RM5,000 x 12 bulan)	-	2	RM120,000
<b>Jumlah</b>		<b>10</b>	<b>62</b>	<b>RM180,000</b>

22. Sekiranya Peserta Layak mempunyai kedua-dua Akaun Penyertaan dan Kad Kredit Penyertaan pada masa pemilihan pemenang berpotensi, beliau berpeluang memenangi Hadiah Bulanan dari Kumpulan 1 sahaja. Peserta Layak yang mempunyai Kad Kredit Penyertaan sahaja semasa pemilihan pemenang berpotensi berpeluang memenangi Hadiah Bulanan dari Kumpulan 2 sahaja.
23. Untuk layak memenangi Hadiah Utama, Peserta Layak mesti, pada masa pemenuhan Bonus Tunai mempunyai: -
- a. IAB keseluruhan sekurang-kurangnya RM5,000 menjelang akhir Tempoh Kempen jika beliau layak untuk memenangi Hadiah Utama dari Kumpulan 1 di mana:

IAB keseluruhan
=
Baki Purata Mac 2021 - Baki Purata September 2020

; atau

- b. jumlah perbelanjaan Transaksi Runcit sekurang-kurangnya RM10,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen menggunakan Kad Kredit Penyertaannya sekiranya beliau layak memenangi Hadiah Utama dari Kumpulan 2.

Sekiranya Peserta Layak mempunyai kedua-dua Akaun Penyertaan dan Kad Kredit Penyertaan dan memenuhi syarat yang dinyatakan di sub-perenggan (a) di atas pada masa pemilihan pemenang berpotensi bagi Hadiah Utama, beliau berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama dari Kumpulan 1 sahaja. Sekiranya Peserta Layak tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sub-perenggan (a) di atas tetapi memenuhi syarat yang dinyatakan di sub-perenggan (b) di atas pada

masa pemilihan pemenang berpotensi bagi Hadiah Utama, beliau berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama dari Kumpulan 2 sahaja.

24. Jumlah maksimum Bonus Tunai yang boleh dimenangi oleh setiap Peserta Layak sepanjang Tempoh Kempen adalah satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Utama sahaja.
25. Pemenang hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang berkaitan dengan Bonus Tunai melainkan dinyatakan sebaliknya. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana Bonus Tunai dan/atau kegagalan pemenuhan oleh mana-mana ejen/pengedarnya.
26. Bonus Tunai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain dan tidak boleh ditukar dengan kredit atau sejenisnya.

### **Kategori 2: FAEDAH/KEUNTUNGAN BONUS**

27. Faedah/Keuntungan Bonus akan dibayar pada IAB bulanan ke dalam Akaun Penyertaan Peserta Layak untuk Bulan Kempen penyertaan.
28. Faedah/Keuntungan Bonus dikira seperti yang berikut:

$\frac{\text{IAB x Kadar Faedah/Keuntungan Bonus terkumpul yang layak diterima oleh Peserta Layak x Bil. hari untuk Bulan Kempen penyertaan}}{\text{Bil. hari dalam setahun (Tahun lompat = 366 hari, Bukan tahun lompat = 365 hari)}}$
---

29. Faedah/Keuntungan Bonus yang layak diterima oleh setiap Peserta Layak hendaklah dihadkan pada RM1,000 setiap pelanggan untuk setiap Bulan Kempen.

### **Gambaran:**

*Pada bulan November 2020, Pelanggan A telah melakukan Transaksi Layak, yang melayakkan Pelanggan A kepada Penyertaan Layak dan Faedah/Keuntungan Bonus seperti yang berikut:-*

Jenis Transaksi	Transaksi yang dilakukan pada November 2020	Penyertaan Layak	Faedah/Keuntungan Bonus
1. IAB Bulanan	IAB Pelanggan A pada Nov adalah RM5,400	<b>500</b> (5,400/500 = 10; 10 X 50 penyertaan)	<b>+0.20% setiap tahun</b>
2. Pertukaran Gaji ke Akaun Penyertaan	Pelanggan A menerima pembayaran Gaji Pertamanya dari majikan melalui BizChannel@CIMB	<b>50</b>	<b>+1.0% setiap tahun</b>

3. Transaksi Kad Debit/Kad Kredit	Pelanggan A melakukan empat (4) Transaksi Runcit luar negara dengan menggunakan Kad Kredit Penyertaannya	<b>40</b>	<b>+0.40% setiap tahun</b>
	Pelanggan A melakukan lima (5) Transaksi Runcit tempatan dengan menggunakan Kad Debitnya	<b>50</b>	
4. Pembayaran bil melalui CIMB Clicks atau Pengebilan Auto	Pelanggan A melakukan enam (6) Pembayaran Bil melalui CIMB Clicks dengan menggunakan kad debitnya yang dicajkan pada Akaun Semasa	Tidak layak sebagai pembayaran bil yang dicajkan ke akaun kad debit yang bukannya Akaun Penyertaan pelanggan	
<b>Jumlah</b>		<b>640</b>	<b>+1.60% setiap tahun</b>

**Ringkasan:**

**Kategori 1: Bonus Tunai**

Pelanggan A layak kepada **640** penyertaan berpeluang memenangi:

- i. Hadiah Bulanan untuk bulan November
- ii. Hadiah Utama (tertakluk kepada Klausula 23 di atas);

dan

**Kategori 2: Faedah/Keuntungan Bonus**

Pelanggan A layak kepada Faedah Bonus **1.60%** setiap tahun untuk bulan November

=RM5,400 (IAB untuk Nov 2020) x Faedah Bonus 1.60% setiap tahun x 30 hari (bil hari bagi Nov)/ 366 hari  
 =RM7.08

**Permainan Bonus Booster**

**PERMAINAN BONUS BOOSTER (Untuk Peserta Layak/Pelanggan Layak yang mempunyai Akaun Penyertaan sahaja)**

30. E-mel dan/atau mesej yang mengandungi pautan yang diperibadikan yang mengarahkan Pelanggan Layak dan/atau Peserta Layak ke mikrosit permainan Bonus Booster akan dihantar kepada Pelanggan Layak dan/atau Peserta Layak terpilih yang mempunyai Akaun Penyertaan melalui: -
  - a) alamat e-melnya yang dikekalkan di dalam rekod CIMB; dan/atau
  - b) CIMB Messenger-nya di aplikasi mudah alih CIMB Clicks

(selepas ini dikenali sebagai “**Peserta Terpilih**”).

31. Peserta Terpilih akan mempunyai tujuh (7) hari kalendar setelah menerima pautan yang diperibadikan untuk mengklik pautan tersebut dan untuk dimainkan permainan di mikrosit permainan Bonus Booster. Setiap pautan yang dihantar kepada Peserta Terpilih hanya sah untuk bermain satu (1) kali di mikrosit permainan Bonus Booster.

32. Mikrosit akan diselenggarakan oleh penjual panel yang dilantik oleh CIMB dan Peserta Terpilih dinasihatikan untuk menggunakan telefon mudah alih, desktop atau komputer riba mereka untuk bermain permainan tersebut.
33. Dengan bermain permainan Bonus Booster, Peserta Terpilih yang tidak berdaftar secara manual untuk menyertai Kempen ini akan dianggap telah bersetuju untuk didaftarkan secara automatik untuk Kempen ini dan akan terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
34. Peserta Terpilih boleh memperolehi sehingga lima (5) Penyertaan Bonus tambahan dengan bermain permainan Bonus Booster.

**PERMAINAN BONUS BOOSTER (Untuk Peserta Layak/Pelanggan Layak yang mempunyai Kad Kredit Penyertaan sahaja)**

35. Pelanggan Layak dan/atau Peserta Layak yang berjaya melakukan Transaksi Runcit tanpa sentuhan atau dalam talian minimum RM100 dalam satu resit tunggal dengan menggunakan Kad Kredit Penyertaan mereka akan menerima satu (1) notifikasi SMS dari CIMB dan juga akan dikenali sebagai "**Peserta Terpilih**". Notifikasi SMS tersebut akan memaklumkan kepada Peserta Terpilih bahawa mereka telah memenuhi kriteria perbelanjaan dan bilangan Penyertaan Layak dan/atau Penyertaan Bonus yang telah diperolehi olehnya setakat waktu tersebut. Pautan yang diperibadikan yang mengarahkan Peserta Terpilih ke mikrosit permainan Bonus Booster akan disertakan dalam notifikasi SMS dan Peserta Terpilih akan diberi satu (1) peluang untuk bermain permainan Bonus Booster untuk berpeluang memenangi mana-mana satu hadiah. Pautan yang diperibadikan akan kekal sah sehingga jam 11:59:59 malam pada hari berikutan hari Peserta Terpilih menerima SMS dan akan selepas itu luput. Peserta Terpilih akan menerima maksimum satu (1) pautan yang diperibadikan melalui notifikasi SMS dari CIMB setiap hari. Jumlah pautan yang diperibadikan yang dihantarkan oleh CIMB kepada Peserta Layak akan dihadkan pada dua puluh ribu (20,000) pautan permainan sehari atas dasar '*first come first serve*'. Tiada notifikasi SMS yang mengandungi pautan yang diperibadikan kepada mikrosit permainan Bonus Booster akan dihantarkan kepada Peserta Terpilih dari 10.00.00 malam sehingga 2.00.00 pagi.
36. Bilangan Penyertaan Layak dan/atau Penyertaan Bonus yang dinyatakan dalam notifikasi SMS yang disebutkan dalam Klausula 35 di atas akan berdasarkan pada data transaksi terbaru yang terdapat dalam sistem CIMB dan mungkin bukan merupakan data secara langsung. "**Data Transaksi**" untuk tujuan klausula ini merujuk kepada data mengenai:-
  - a. Transaksi Kad Debit/Kad Kredit CIMB; dan/atau
  - b. Pembayaran bil dilakukan melalui Clicks/Pengebilan Auto dengan menggunakan Kad Debit/Kad Kredit CIMB
37. "**Transaksi tanpa sentuhan**" merujuk kepada transaksi yang tidak memerlukan tandatangan atau pengesahan PIN Peserta Layak untuk memberi kuasa kepada transaksi (contohnya dengan melambatkan kad di terminal tanpa sentuhan).
38. Bagi mengelakkan keraguan, Transaksi Runcit yang dirujuk dalam Klausula 35 di atas hendaklah dihadkan pada transaksi yang termasuk dalam kategori berikut sahaja:-

Jenis Transaksi	Kategori
Transaksi Tanpa Sentuhan	Mod POS: 07 dan MCC: Makanan dan Minuman: 5812, 5813, 5814, atau Gedung Serbaneka: 5311, atau Farmasi: 5912
Transaksi e-Dagang	Mod POS: 01 atau 81 atau 10

39. Hadiah yang ditawarkan kepada Peserta Layak yang mempunyai Kad Kredit Penyertaan sahaja di bawah permainan Bonus Booster adalah seperti yang berikut: -

Hadiah	Bilangan Hadiah yang ditawarkan untuk setiap minggu dalam Tempoh Kempen	Jumlah Keseluruhan Hadiah yang ditawarkan Sepanjang Tempoh Kempen
Hadiah Misteri	1	3.6 Juta
Pulangan Tunai RM 5	70	
Pulangan Tunai RM 3	700	
Pulangan Tunai RM 1	7,000	
Penyertaan Bonus	132,230	

40. "**Hadiah Misteri**" adalah hadiah yang hanya akan didedahkan secara mingguan untuk setiap minggu dalam Tempoh Kempen ("**Minggu Penyertaan**"). Peserta Terpilih akan diperlukan untuk log masuk ke laman web CIMB setiap hari Jumaat untuk melihat Hadiah Misteri yang telah disediakan untuk Minggu Penyertaan tersebut.

Hadiah Misteri yang ditawarkan adalah seperti yang berikut: -

Hadiah Misteri*	Bilangan pemenang Hadiah Misteri
<i>Samsung Galaxy Watch Active 2 (40mm)</i>	X 1 Pemenang
<i>Huawei Nova 7i</i>	X 1 Pemenang
<i>Nespresso Innisia Coffee Machine – Black</i>	X 1 Pemenang
<i>Samsung Galaxy Note 10 Lite</i>	X 1 Pemenang
<i>Huawei Sound X</i>	X 1 Pemenang
<i>Apple 10.2-inch iPad Wi-Fi 32GB</i>	X 1 Pemenang

<i>Sharp Air Purifier with Mosquito Trap</i>	X 1 Pemenang
<i>Sony Play Station 4 Slim 1 TB CUH 2218 BB 01</i>	X 1 Pemenang
<i>XiaoMi Robot Vacuum Cleaner</i>	X 1 Pemenang
<i>Hamilton Beach 49981-SAU Scoop Single Serve Coffee Maker</i>	X 1 Pemenang
<i>Panasonic Cubie Oven</i>	X 1 Pemenang
<i>Sony WF-SP700N Truly Noise Cancelation</i>	X 1 Pemenang
<i>Samsung Galaxy Tab A with S Pen 32 GB</i>	X 1 Pemenang
<i>Apple AirPods Pro MWP2ZZA/A</i>	X 1 Pemenang
<i>iPhone SE 64GB</i>	X 1 Pemenang
<i>Huawei B19S Watch GT 2e</i>	X 1 Pemenang
<i>Blueair Joy S Air Purifier</i>	X 1 Pemenang
<i>Dyson Supersonic HairDryer Fushia HD03</i>	X 1 Pemenang
<i>Garmin Vivasmart 4 Fitness Band</i>	X 1 Pemenang
<i>Sony 2.0 Single Soundbar with Bluetooth</i>	X 1 Pemenang
<i>JBL SB 400 with Wireless Sub Woofer</i>	X 1 Pemenang
<i>Sharp Air Purifier with Humidifying (KCF30LW)</i>	X 1 Pemenang
<i>Sharp 50" LED TV (2TC50AD1X)</i>	X 1 Pemenang
<i>bose QC35II BLACK Quietcomfort 35 Noise Cancellation Headphone</i>	X 1 Pemenang
<i>Khind Cordless Vacuum</i>	X 1 Pemenang

\* Hadiah Misteri di atas tidak disenaraikan dalam mana-mana turutan tertentu dan akan diperuntukkan secara rawak untuk setiap Minggu Penyertaan.

41. Jangka masa di mana Peserta Terpilih mesti melakukan Transaksi Runcitnya menurut Klausula 35 di atas agar berpeluang memenangi Hadiah Misteri adalah seperti yang berikut: -

<b>Minggu Penyertaan</b>	<b>Tempoh Transaksi Layak untuk Hadiah Misteri</b>
1	1 Oktober – 11 Oktober 2020
2	12 Oktober – 18 Oktober 2020
3	19 Oktober – 25 Oktober 2020
4	26 Oktober – 1 November 2020
5	2 November -8 November 2020
6	9 November -15 November 2020
7	16 November -22 November 2020
8	23 November -29 November 2020
9	30 November – 6 Disember 2020
10	7 Disember - 13 Disember 2020
11	14 Disember – 20 Disember 2020
12	21 Disember – 27 Disember 2020
13	28 Disember 2020 - 3 Januari 2021
14	4 Januari – 10 Januari 2021
15	11 Januari – 17 Januari 2021
16	18 Januari – 24 Januari 2021
17	25 Januari – 31 Januari 2021
18	1 Februari – 7 Februari 2021



19	8 Februari – 14 Februari 2021
20	15 Februari – 21 Februari 2021
21	22 Februari – 28 Februari 2021
22	1 Mac – 7 Mac 2021
23	8 Mac – 14 Mac 2021
24	15 Mac – 21 Mac 2021
25	22 Mac – 31 Mac 2021

42. Peserta Terpilih yang mempunyai Kad Kredit Penyertaan sahaja layak memenangi maksimum seratus lapan puluh dua (182) hadiah sahaja dibawah permainan Bonus Booster sepanjang Tempoh Kempen.
43. Peserta Terpilih mesti menggunakan pelayar laman web yang mempunyai spesifikasi minimum berikut untuk mengakses mikrosit permainan Bonus Booster:-

No	Pelayar	Versi Disokong
1	Microsoft Edge	15-18 79 dan ke atas
2	Firefox	54 dan ke atas
3	Chrome	51 dan ke atas
4	Safari	10 dan ke atas
5	Opera	38 dan ke atas
6	iOS Safari	10 dan ke atas
7	Android Browser	81 dan ke atas
8	Opera Mobile	46 dan ke atas
9	Chrome for Android	84 dan ke atas
10	Firefox for Android	79 dan ke atas
11	UC Browser for Android	12.12 dan ke atas
12	Microsoft Internet Explorer	Tidak menyokong
13	Opera Mini	Tidak menyokong

## Pemenuhan Hadiah

### **Kategori 1: BONUS TUNAI**

44. Pada akhir setiap Bulan Kempen dan pada akhir Tempoh Kempen, Peserta Layak yang telah melakukan Transaksi Layak dan memenuhi kriteria untuk memperolehi Penyertaan Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausa-Klausa 11 hingga 19 dan/atau memperolehi Penyertaan Bonus dengan permainan Bonus Booster menurut Klausa-Klausa 30-43 di atas akan dipilih secara rawak oleh sistem pemilihan automatik CIMB. Jumlah Penyertaan Layak/Penyertaan Bonus yang lebih tinggi akan meningkatkan peluang Peserta Layak untuk dipilih oleh sistem sebagai pemenang berpotensi di bawah Kempen ini ("**Pemenang Hadiah Berpotensi**").
45. **Hadiah Bulanan**
- a. Sembilan ratus (900) Pemenang Hadiah Berpotensi untuk Kumpulan 1 dan seratus (100) Pemenang Hadiah Berpotensi untuk Kumpulan 2 akan disenarai pendek untuk setiap Bulan Kempen ("**Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi**").

- b. Setiap Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi akan dihubungi oleh CIMB melalui SMS di nombor mudah alihnya yang dikekalkan di dalam rekod CIMB dalam lima (5) minggu dari akhir Bulan Kempen dan akan diminta untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam masa terpantas dengan membalas SMS tersebut.
  - c. Sembilan puluh (90) Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi pertama untuk Kumpulan 1 dan sepuluh (10) Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi pertama untuk Kumpulan 2 yang membalas dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas (dalam jangka waktu yang dinyatakan dalam SMS) akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Bulanan**". Pemenang Hadiah Bulanan akan menerima SMS pengesahan dari CIMB di nombor mudah alih yang sama di mana SMS yang mengandungi soalan telah dihantarkan.
46. **Hadiah Utama**
- a. Seratus (100) Pemenang Hadiah Berpotensi untuk Kumpulan 1 dan tiga puluh (30) Pemenang Hadiah Berpotensi untuk Kumpulan 2 akan disenarai pendek pada akhir Tempoh Kempen ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**")
  - b. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi oleh CIMB melalui telefon di nombor mudah alihnya yang dikekalkan di dalam rekod CIMB dalam lima (5) minggu dari akhir Tempoh Kempen dan akan dikehendaki untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul supaya diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Utama**". Lapan (8) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pertama dari Kumpulan 1 dan dua (2) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pertama dari Kumpulan 2 yang membalas dengan dua (2) jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Utama**".
  - c. Sekiranya percubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi gagal, disebabkan oleh sebab-sebab seperti tidak menjawab, nombor telefon Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tiada dalam perkhidmatan, kekurangan, tiada sambungan atau untuk apa jua sebab lain, dua (2) percubaan lanjut akan dilakukan untuk menelefon Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut pada nombor mudah alih yang sama. Sekiranya percubaan ketiga tidak berjaya, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut akan dilucutkan kelayakan dan tidak akan layak untuk memenangi Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi seterusnya yang menjawab kedua-dua soalan dengan betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama.
  - d. Sekiranya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi meminta CIMB mengembalikan panggilan pada masa lain, jangka masa maksimum yang boleh diminta oleh Pemenang Hadiah Utama adalah satu (1) jam kemudian.
  - e. CIMB merizabkan hak untuk merakam perbualan telefon ini.
47. Soalan dan jawapan akan dinilai dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim hendaklah muktamad dan mengikat.
48. Sekiranya tiada Pemenang Hadiah Bulanan dan Pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang**") yang mencukupi untuk apa jua sebab, CIMB akan melakukan proses yang digariskan pada Klausula-Klausula 44-47 untuk kali kedua. Sekiranya masih terdapat Pemenang yang tidak mencukupi setelah melakukan proses yang disebutkan di atas untuk kali kedua, CIMB berhak untuk melucutkan Bonus Tunai.

49. CIMB mempunyai budi bicara mutlak untuk menetapkan hari berkerja yang ditetapkan (Isnin - Jumaat) dan waktu (9 pagi – 6 petang) untuk melakukan proses yang dinyatakan di Klausula-Klausula 46-48. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang panggilan yang tidak lengkap atau terputus disebabkan oleh ketiadaan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
50. Bonus Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan/akaun Kad Kredit Penyertaan Tertinggi Pemenang dalam jangka masa yang dinyatakan di bawah. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang yang layak kepada Bonus Tunai untuk mengkreditkan Bonus Tunai ke akaun CIMB mereka yang lain atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.

Kategori	Bulan Kempen	Tarikh Pengkreditan
Hadiah Bulanan	Oktober 2020	By Disember 2020
	November 2020	By Januari 2021
	Disember 2020	By Februari 2021
	Januari 2021	By Mac 2021
	Februari 2021	By April 2021
	Mac 2021	By Mei 2021
<b>Hadiah Utama (12 bulan)</b>		Dari Mei 2021 hingga April 2022

51. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan bahawa nombor mudah alih mereka yang dibekalkan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dilakukan oleh Peserta Layak. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau betul.

### **Kategori 2: FAEDAH /KEUNTUNGAN BONUS**

52. Faedah/Keuntungan Bonus akan dibayar kepada Akaun Penyertaan Peserta Layak dalam enam (6) minggu dari akhir setiap Bulan Kempen atau pada tarikh lain seperti yang ditentukan oleh CIMB. Sekiranya Peserta Layak memegang lebih daripada satu Akaun Penyertaan, Faedah/Keuntungan Bonus akan dibayar kepada:
- Akaun Penyertaan Peserta Layak dengan Baki Purata tertinggi; dan
  - jika Baki Purata adalah sama di antara Akaun Penyertaan, Faedah/Keuntungan Bonus akan dibayar ke akaun yang terbaru.

### **PERMAINAN BONUS BOOSTER (Untuk Peserta Layak/Pelanggan Layak yang mempunyai Kad Kredit Penyertaan sahaja)**

53. Hadiah Misteri akan dihantar ke alamat surat-menyurat pemenang Hadiah Misteri dalam empat (4) minggu dari akhir setiap Minggu Penyertaan.
54. Hadiah Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit Penyertaan tertinggi Peserta Layak dalam empat (4) minggu dari akhir setiap Minggu Penyertaan.

55. Mana-mana hadiah yang ditawarkan menurut permainan Bonus Booster yang ditolak atau tidak dapat dihantar atas apa jua sebab hendaklah dianggap telah ditolak oleh Peserta Terpilih dan akan dengan segera dilucutkan oleh CIMB dan CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar semula hadiah atau membenarkan pengutipan Hadiah dari mana-mana premis CIMB atau di tempat lain.
56. Semua hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga (ke-3), ditukar dengan tunai atau hadiah atau ganjaran berlainan yang mempunyai nilai setara atau mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan.
57. Sekiranya mana-mana Pemenang di bawah Kempen ini meninggal dunia, CIMB merizabkan hak untuk melucutkan hadiah yang berkaitan yang ditawarkan di bawah Kempen ini (mengikut mana yang berkenaan).

### Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

58. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
- a. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - b. memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - c. bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk hadiah yang diberikan dan penentuan pemenang kempen, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - d. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
    - ii. kegagalan elektrik;
    - iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - iv. apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
    - v. apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
- Keputusan CIMB mengenai mana-mana dan semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat semua Peserta Layak dan tiada surat-menyurat dan/atau rayuan terhadap keputusan tersebut akan dilayan.
59. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Bonus Tunai, Faedah/Keuntungan Bonus, Hadiah Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Misteri akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Bonus Tunai, Faedah/Keuntungan Bonus, Hadiah Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Misteri:
- a. Peserta Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan dan/atau Kad Kredit Penyertaan;

- b. Akaun Penyertaan dan/atau Kad Kredit Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau dorman atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
  - c. Akaun Penyertaan dan/atau Kad Kredit Penyertaan adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
60. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:
- a. mengganggu dengan penyertaan dan/atau
  - b. bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
61. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:
- a. menggantikan hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
  - b. melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen
- dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - iii. dengan apa-apa cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
62. Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana hadiah dan/atau apa-apa pembatalan, penggantungkan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
63. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) disebabkan oleh:
- a. penyertaan atau ketidak penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
  - b. apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak SMS
- melainkan jika kehilangan atau kerugian sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
64. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah suai, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - iii. iklan di satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
  - iv. dengan apa-apa cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan hendaklah dianggap mengikat terhadap Peserta Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam notifikasi.

- c) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa pengubahsuaian Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
65. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
66. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
  - penerimaan, penebusan atau penggunaan hadiah Peserta Layak.
67. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
  - dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun Penyertaan dan/atau Kad Kredit Penyertaan yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
68. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan semasa, arahan, notis yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
69. a) Ia hendaklah merupakan tanggungjawab tunggal pemenang untuk memastikan nombor mudah alih dan/atau alamat emel dan/atau alamat mel mereka ("Butiran Perhubungan") yang dibekalkan kepada CIMB adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB sekiranya apa-apa perubahan terhadapnya telah dilakukan oleh mereka.
- b) CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Bonus Tunai, Faedah/Keuntungan Bonus, Hadiah Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Misteri sekiranya Butiran Perhubungan Pemenang yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskini.
- c) CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang ke atas apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Butiran Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB bukannya terkini atau tepat.
70. Peserta Layak adalah bertanggungjawab tunggal terhadap berikut akibat daripada penerimaan Bonus Tunai, Faedah/Keuntungan Bonus, Hadiah Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Misteri:
- Apa-apa obligasi pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa; dan

- (ii) mendapatkan nasihat bebas ke atas implikasi berpotensi yang ia boleh dapati ke atas keadaan kewangannya sendiri.
71. CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Bonus Tunai, Faedah/Keuntungan Bonus, Hadiah Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Misteri dan memilih Pemenang lain jika Pemenang gagal menghadiri upacara pemberian hadiah dan/atau acara berkaitan lain yang dianjurkan oleh CIMB.
72. a) Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kuasa dan bersetuju bahawa CIMB hendaklah mempunyai kebebasan untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti (“Hak Penerbitan”).
- b) Sekiranya Pemenang membantah Hak Penerbitan CIMB setelah menyertai Kempen, CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Bonus Tunai, Faedah/Keuntungan Bonus, Hadiah Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Misteri dan memilih Pemenang lain.
73. a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“CRU”) untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:
- Alamat:** Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
**No. Telefon:** +603 6204 7788  
**E-mel:** [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)
- b) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

-Tamat-